

LIMA: 1,000 anggota keselamatan ditugas

LANGKAWI 8 Sept. - Lebih 1,000 anggota keselamatan ditugaskan untuk mengawal keselamatan semasa berlangsungnya Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2003 (LIMA '03) pada 30 September hingga 5 Oktober ini.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, jumlah itu adalah melibatkan 900 anggota polis serta Pasukan Khas Laut (Paskal) dan Pasukan Khas Udara (Paskau).

"Jumlah ini melibatkan sedikit tambahan berbanding dua tahun lalu (LIMA '01), kita akan lakukan apa sahaja untuk menjamin keselamatan semasa LIMA '03," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Kedua Jawatan Kuasa Kabinet LIMA '03 dan melawat tapak pameran segmen udara dan maritim LIMA iaitu di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri dan Awana Porto Malai.

Seperti penganjuran LIMA yang sebelumnya, perasmian LIMA '03 akan dilakukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 30 September ini.

Najib berkata, LIMA '03 dijangka lebih meriah berbanding LIMA '01 walaupun wujud beberapa kekangan dari segi perkembangan dunia masa kini apabila ia terus mendapat sokongan daripada syarikat-syarikat luar negara.

Menurutnya, sehingga kini 25 negara telah mengesahkan untuk mengambil bahagian bagi segmen udara serta 15 negara bagi segmen maritim dan jumlah itu dijangka bertambah menjelang berlangsungnya pameran itu kelak.

Beliau menambah, pada pameran kali ini juga sebanyak 86 pesawat akan dipamerkan bagi segmen udara dan 40 buah kapal terlibat dengan fleet review bagi segmen maritim.

"Segala persiapan berjalan dengan baik dan kita menjangka LIMA '03 agak meriah meski pun ada kekangan kesan negatif perkembangan dunia mutakhir namun LIMA kali ini akan mencapai matlamat dan tujuannya.

"Umumnya, penyertaan kali ini kurang sedikit sahaja dari LIMA 01 tetapi ia tidak dapat dielakkan berikutan kesan perang Iraq, SARS dan perubahan tarikh yang sepatutnya pada bulan Disember," katanya.

Beliau berkata, bagi segmen udara, LIMA '03 akan dimeriahkan dengan pertunjukan aerobatik oleh pasukan Red Arrows dari United Kingdom dan pasukan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Sementara Amerika Syarikat pula membawa lima pesawatnya menyertai LIMA '03 termasuk pesawat superhornet.

Selain itu, TUDM menurut beliau buat pertama kali menerbangkan pesawat superlynx.

Bagi segmen maritim pula katanya, pihak penganjur menerima banyak penyertaan dari negara luar termasuk Arab Saudi yang buat pertama kali menyertai LIMA.

Najib berkata, beberapa perjanjian dan memorandum persefahaman (Mou) juga dijangka ditandatangani pada LIMA '03.

Selain itu, katanya, sebagai menghargai sumbangan Dr. Mahathir terhadap LIMA, satu majlis makan malam bertujuan mengucapkan terima kasih akan diadakan di Dataran Lang pada 3 Oktober depan.

"Ya juga untuk mengucapkan terima kasih kepada syarikat-syarikat